



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/11/2019	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

20 kes Pygmy dibunuh sejak awal tahun

Kota Kinabalu: Dalam tempoh kira-kira dua bulan, tiga bangkai gajah Pygmy Borneo ditemui di habitat hidupan liar itu di Pantai Timur Sabah.

Jumlah itu mungkin dilihat kecil, tetapi dengan anggaran hanya ada antara 1,500 hingga 2,000 gajah di Sabah ketika ini, ditambah pula dengan cara kematian yang tragik, insiden terbabit tidak boleh dipandang ringan.

Kes pertama penemuan bangkai gajah di Sungai Dumpas, Kalabakan, Tawau pada 25 September lalu mengejutkan kerana hasil bedah siasat menunjukkan kematiannya kerana peluru menembusi tengkorak, manakala kiri dan kanan badan gajah itu ada kesan kira-kira 70 peluru tabur.

Tidak sampai sebulan kemudian, seekor lagi gajah Pygmy Borneo ditemui mati dalam ladang di Beluran dengan kesan tembakan serta gading hilang pada 19 Oktober. Terbaru, bangkai gajah ditemui terapung di Sungai Kinabatangan, dengan pergelangan kedua-dua kaki belakangnya dipotong.

BH juga difahamkan, pada awal tahun ini hingga Oktober lalu, sebanyak 20 kes kematian gajah Pygmy Borneo dilaporkan, antaranya akibat diburu, terkena jerat atau perangkap dan pergelangan sesama gajah.

Perkembangan itu dikhuatiri menyebabkan populasi haiwan berkenaan berkurangan akibat kekurangan habitat, makanan serta tekanan pemburuan haram, malah boleh menjejaskan imej Sabah sebagai destinasi pelancongan eko, tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Christina Liew memaklumkan, konflik manusia dan gajah ditangani dengan pembabitkan pemilik ladang dan penduduk kampung termasuk menerusi kumpulan kerja.

"Kita dapati ada dua faktor utama kenapa gajah diburu, untuk gading atau balas dendam manusia atas kerosakan disebabkan haiwan itu. Dalam menangani isu ini, kita turut mendapat kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu.

"Kita akan bekerjasama atau membabitkan peladang dan orang kampung jika mendapati wujud konflik manusia dan gajah di kawasan tertentu. Ini antara usaha kita memastikan konflik manusia dan gajah dapat ditangani, sekali gus mengatasi masalah pemburuan haiwan itu," katanya.